

22/11/1999

Wan Mokhtar minta elak ramal jawatan MB

KEMAMAN, Ahad - Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Cukai berharap tidak ada pihak mencongak kedudukannya sebagai Menteri Besar atau sebaliknya selepas ini kerana yang penting terlebih dulu memastikan semua calon Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum, 29 November ini.

"Soal saya dilantik atau tidak menjadi Menteri Besar selepas ini tidak perlu dibincangkan kerana ia akan diputuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita sebaik selesai menyerahkan borang penamaan calon di Pejabat Tanah Kemaman, di sini, semalam.

Beliau yakin BN akan kekal memerintah negeri ini kerana semua perkara yang dijanjikan kepada rakyat sudah dilaksanakan dan ini membuatkan parti pembangkang ketandusan isu.

Katanya, dalam Fasa Kedua Pembangunan Negeri sehingga tahun 2010, tumpuan kerajaan ialah terhadap golongan termiskin.

"BN yakin boleh merampas semula semua tujuh kerusi DUN dan satu Parlimen yang dimenangi Pas, termasuk di Rhu Rendang dan Marang kerana sokongan padu semua pihak, termasuk calon yang digugurkan," katanya.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, berkata pilihan raya umum kali dihadapi dalam keadaan yang lebih baik kerana tidak ada cubaan 'peteh memeteh' di kalangan calon yang digugurkan berbanding pilihan raya 1995.

(END)